

GACET (PARACETAMOL SUPPOSITORIES)

Paracetamol (125mg, 250mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Gacet
2. Bagaimana Gacet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Gacet
4. Cara menggunakan Gacet
5. Semasa menggunakan Gacet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Gacet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Gacet

Gacet digunakan untuk merawat kesakitan dan demam yang rendah dan sederhana bagi kanak-kanak. Supositori Gacet mungkin berguna bagi pesakit yang tidak dapat mengambil ubatan *paracetamol* secara oral cth. selepas pembedahan atau dengan loya dan muntah.

Bagaimana Gacet berfungsi

Paracetamol sebelum ini difahami berfungsi dengan menghalang penghasilan sejenis kompaun dalam sistem saraf tunjang. Baru-baru ini, telah dijumpai bahawa *paracetamol* mungkin berfungsi melalui tindakannya pada interaksi dalam saraf tunjang dan penghalangan bahan dalam tulang belakang.

Sebelum menggunakan Gacet

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Gacet jika anda alah terhadap *paracetamol*, atau ubat lain yang serupa atau sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan pada hujung risalah ini.

Jangan gunakan Gacet jika anda mengalami mana-mana kondisi berikut:

- Masalah hati yang serius
- Rektum berdarah atau bengkak (kontraindikasi berkait langsung dengan cara pengambilan ubat).

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Gacet jika anda mengandung, sedang

merancang untuk mengandung, mungkin mengandung atau jika anda sedang menyusukan anak.

- Sebelum menggunakan Gacet

Paracetamol mesti diambil dengan perhatian jika anda mempunyai masalah fungsi hati atau buah pinggang. Semasa ujian kandungan asid urik atau gula, anda mungkin dinasihatkan untuk memberitahu pengambilan *paracetamol* anda. Jika kesakitan berlanjutan selepas 5 hari, atau demam berlanjutan selepas 3 hari, atau keadaan bertambah teruk, berhenti ambil *paracetamol* sebelum merujuk kepada doktor anda.

Gacet mengandungi *paracetamol*. Jangan ambil ubatan lain yang mengandungi *paracetamol* pada masa yang sama.

Amaran alahan: *Paracetamol* mungkin menyebabkan tindakbalas kulit yang serius. Tanda-tanda termasuklah kulit kemerahan, melepuh atau beruam. Ini mungkin tanda kepada keadaan yang lebih serius. Jika tanda-tanda ini berlaku, berhenti menggunakan ubat ini dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan. Beritahu doktor khususnya jika anda ada mengambil:

- Alkohol
- *Rifampicin*- digunakan untuk merawat jangkitan
- *Barbiturates* atau ubatan sawan lain
- Ubatan lain yang mengandungi *paracetamol*

Cara menggunakan Gacet

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza

dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dos yang disyorkan:

GACET-125(Paracetamol Suppositories BP 125 mg)
1-5 tahun (10-20kg): 1-2 supositori.

GACET-250(Paracetamol Suppositories BP 250 mg)
6-12 tahun (20-40kg): 1-2 supositori.

Dos-dos ini boleh diulang maksimum sehingga 4 kali dalam masa 24 jam. Dos ini tidak boleh diulang sebelum 4 jam. Jangan melebihi dos yang disyorkan. Dos yang lebih tinggi tidak memberikan lebih kelegaan. Supositori mesti digunakan secara keseluruhannya, jangan pecahkan supositori sebelum digunakan.

Supositori Gacet perlu digunakan secara kemasukan rektum sahaja.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Guna dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk menggunakan dos seterusnya pada masa biasa. Jangan guna dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terguna dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Gacet

- Perkara yang perlu dilakukan

Gunakan ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Gacet.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Gacet dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera, Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Gacet boleh menyebabkan kesan sampingan,

walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Jika digunakan mengikut arahan, *paracetamol* jarang menyebabkan keracunan yang serius atau kesan sampingan. Dalam sesetengah kes yang sangat jarang berlaku, tindakbalas atau alahan kulit boleh berlaku. Rektum kemerahan dan perubahan setempat pada salur darah juga mungkin dilaporkan. Keracunan hati boleh berlaku selepas dos berlebihan diambil.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.moh.gov.my (*Consumers* → *Reporting* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF)* or *Vaccines (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Gacet

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di tempat yang kering dibawah suhu 30°C. Lindungi dari cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

GACET-125 (Paracetamol Suppositories BP 125 mg) adalah supositori berbentuk peluru berwarna putih legap.

GACET-250 (Paracetamol Suppositories BP 250 mg) adalah supositori berbentuk peluru berwarna putih legap.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Paracetamol

- Bahan tidak aktif
Hard fat (Witespol H 15)

- Nombor MAL

GACET-125(Paracetamol Suppositories BP 125 mg)
MAL20106015XZ

GACET-250(Paracetamol Suppositories BP 250 mg)
MAL20106016XZ

Pengilang

BLISS GVS PHARMA LTD.
Plot No. 11, Dewan Udyog Nagar,
Aliyali, Palghar 401 404, Maharashtra
State, INDIA.

Pemegang Pendaftaran Produk

Unimed Sdn Bhd
No 53, Jalan Tembaga SD5/2B,
Bandar Sri Damansara,
52200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

16/02/2023

Nombor Siri

NPRA(R2)20/087